

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 APRIL 2016

Malaysia, Indonesia kongsi budaya serumpun: Najib

» PM jawab pelbagai isu semasa dalam temu ramah dengan laman web iNewsTV

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur

Isu perebutan budaya antara Malaysia dan Indonesia tidak seharusnya berlaku kerana ia bukan milik mana-mana negara, sebaliknya milik rakyat. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kebanyakan orang Melayu Malaysia berasal dari Indonesia, sekali gus penghijrahan itu turut membawa budaya masing-masing bersama mereka ke Malaysia.

Contohnya, kuda kepang yang menjadi warisan masyarakat Johor adalah berasal dari Jawa berikutan penghijrahan masyarakat itu ke negeri berkenaan pada suatu ketika dahulu.

"Adakah wajar untuk kita jadikan budaya ini sebagai isu kerana budaya adalah milik rakyat dan bukan negara.

"Rakyat Indonesia harus melihat perkara ini sebagai kebanggaan kerana ada juga rakyat Malaysia yang mempraktikkan budaya yang berasal dari Indonesia," katanya dalam temu ramah eksklusif bersama iNewsTV yang berpangkalan di Indonesia, yang dipaparkan menerusi laman web media berkenaan, malam tadi.

Dalam temu ramah itu, Najib turut menyentuh beberapa perkara, antaranya hubungan beliau dengan bekas Perdana Menteri, asal usulnya, pengalaman Malaysia berurusan dengan pengganasan, isu pendatang asing tanpa izin dari Indonesia, persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum serta persiapan negara menghadapi Masyarakat Ekonomi ASEAN.

Berikut adalah sedutan temu ramah Najib bersama iNewsTV.

Hubungan dengan bekas Perdana Menteri Malaysia

Hubungan saya dengan bekas pemimpin baik. Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi) seorang yang 'gentlemen'. Beliau menerima prinsip bahawa beliau bukan lagi Perdana Menteri, maka beliau memberi sokongannya kepada saya sebagai pengganti. Wa-



Najib ketika diwawancara oleh Arya Mahendra Sinulingga dari RTCI.

laupun saya ambil alih jawatan ini daripadanya, beliau tiada perasaan iri hati.

Yang ribut-ribut ini adalah daripada Pak Mahathir (Tun Dr Mahathir Mohamad) saja... tiada orang lain. Mungkin beliau ada agenda tersendiri, mungkin ada sesuatu. Mungkin kerana anaknya... mungkin mahu diletakkan dalam kepemimpinan negara, mungkin beliau mahu mengawal dasar kerajaan atau ada projek kesukaannya yang tidak ditunaikan dan sebagainya.

Asal usul Najib yang dikatakan berdarah Bugis

(Keturunan) Saya berasal dari Gowa (di Sulawesi). Masih ada keluarga saya serta beberapa makam ahli keluarga yang meninggal dunia di sana. Saya kerap ke sana, iaitu sudah tiga kali. Bagaimanapun, saya kenal mereka begitu saja memandangkan saya adalah keturunan yang ke-11... jadi sudah lama.

Pengalaman Malaysia menangani pengganasan

Ada dua jenis ancaman pengganasan. Pertama, ideologi yang berpandukan ideologi IS, iaitu tindakan dan motivasi mereka yang terbabit berlainan daripada biasa. Satu lagi adalah kumpulan Abu Sayyaf yang kita gelar sebagai 'kidnap for ransom' (pengambilan untuk tebusan). Mereka melakukan sesuatu dengan bermotifkan wang dan akan me-

ngambil kesempatan menculik warga Malaysia dan Indonesia. Pendidikan kita sebagai kerajaan, tiada perbincangan tetapi serahkan kepada individu dan swasta untuk menentukan tindakan yang akan dilakukan. Sebagai kerajaan, tidak wajar kita terbabit dalam proses rundungan. Ada seorang rakyat Malaysia yang menjadi mangsa baru-baru ini, iaitu Bernard Then Ted Fen yang kepalanya dipenggal. Mereka lakukan itu untuk menjadikannya sebagai contoh pada masa depan.

Isu pendatang asing tanpa izin dari Indonesia

Kita tidak tahu bilangan sebenar mereka yang gelap atau tanpa izin ini. Ada yang kata satu juta, ada yang kata dua juta dan lebih daripada itu. Oleh sebab itu, kita bekukan sementara pengambilan pekerja asing. Tetapi, kita galakkan sesiapa yang mahu tenaga kerja asing untuk gunakan mereka yang sudah ada, iaitu yang gelap atau tanpa izin ini melalui pengambilan semula. Bagaimanapun, prosesnya terlalu perlahan dan pengusaha kita termasuk mereka yang memiliki kilang dan perladangan sudah mendeak untuk mendapatkan pekerja asing lebih mudah. Ini dalam pertimbangan kita kerana kalau sebagai sebuah negara, memiliki dua juta yang gelap adalah bilangan yang terlalu besar.

Masalahnya, mereka masuk secara sah tetapi menjadi tidak sah

kerana duduk lebih masa. Mereka tidak mahu balik, sedangkan sepatutnya apabila tamat kontrak, mereka perlu pulang dan jika mahu bekerja semula, datang secara sah. Mereka lebih berminat kekal mungkin kerana mudah mencari rezeki, boleh berniaga, bekerja, buka kedai dan sebagainya. Itu cabaran bagi kita, mereka memilih untuk kekal di Malaysia.

Persiapan menghadapi pilihan raya umum

Kerajaan akan kekal sehingga Pilihan Raya Umum. Kita harus kembalikan kepada rakyat untuk menentukan sama ada sokongan kepada kita dilanjutkan atau sebaliknya. Sampai masanya akan terjawab (sama ada beliau akan kekal sebagai Perdana Menteri atau sebaliknya). Ini adalah mandat. Soalnya, adalah rekod dan prestasi. Saya menentukan kesinambungan. Setiap pemimpin ada gayanya tersendiri, namun yang penting ada kemajuan.

Persediaan Malaysia menghadapi Masyarakat Ekonomi ASEAN

Apabila tarif dimansuhkan, iaitu boleh dikatakan 86 peratus secara keseluruhan, bererti kita boleh menembusi pasaran ASEAN. Disebabkan itu, kita mesti galakkan usahawan kita, iaitu dalam aspek pemikiran supaya berfikir secara serantau. Dalam hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia, saya menggalakkan

"Yang ribut-ribut ini adalah daripada Pak Mahathir (Tun Dr Mahathir Mohamad) saja... tiada orang lain. Mungkin beliau ada agenda tersendiri, mungkin ada sesuatu. Mungkin kerana anaknya... mungkin mahu diletakkan dalam kepemimpinan negara, mungkin beliau mahu mengawal dasar kerajaan atau ada projek kesukaannya yang tidak ditunaikan dan sebagainya"

Najib Razak,
Perdana Menteri

syarikat Malaysia mencari peluang melabur di Indonesia dan mahu syarikat Indonesia mencari peluang melabur di Malaysia. Ketika ini, jumlah pelaburan Malaysia di Indonesia melebihi AS\$15 bilion (RM58.2 bilion), tetapi jumlah pelaburan Indonesia di Malaysia hanya AS\$1.68 bilion (RM6.52 bilion), maknanya jaraknya masih jauh. Kita mesti menggalakkan syarikat Indonesia melabur di Malaysia.

Kita mesti membangunkan keupayaan perusahaan kecil dan sederhana untuk bersaing, iaitu kemampuan mereka untuk mencari modal, rangkaian dan kepakaran. Proses bantuan untuk itu perlu dilakukan secara terusun dan sistematik. Ini dilakukan melalui SME Corporation Malaysia serta dana lain.

Bagi pelaburan ke Indonesia, Malaysia mungkin lebih fokus dalam bidang pembangunan seperti melaksanakan projek lebuhraya, pelabuhan, termasuk kawanan hiran, selain dalam perdagangan kerana kita perlu ada nilai tambah.

Saya berterima kasih kepada Pak Jokowi (Presiden Indonesia Joko Widodo) kerana kita berjaya menubuhkan Majlis Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC). Sejak CPOPC yang diterajui bersama Malaysia dan Indonesia diwujudkan, dalam masa begitu pantas, harga minyak sawit naik RM500 sehingga RM600 satu tan. Ini bermakna apabila Malaysia dan Indonesia bersatu dan bekerjasama dengan erat, kejayaannya adalah kejayaan yang kita boleh kongsi bersama.